

Kami tetap angkat sumpah walaupun membantah — Fadzil

UM 21 DEC 1999

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor berkata, keputusannya mengangkat sumpah sebagai anggota Parlimen pagi ini selepas keluar Dewan tidak bermakna pembangkang mengetepikan dakwaan bahawa persidangan Parlimen kali ini tidak sah.

Menurutnya, kesemua ahli Parlimen pembangkang keluar Dewan buat sementara sebagai tanda bantahan tetapi tetap mengangkat sumpah bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam perbahasan.

“Ini bukan perbuatan untuk mensabotaj Parlimen. Ini soal perlembagaan dan soal prinsip kita.

“Perlembagaan berkuasa membuat undang-undang, maka kita mesti menunjukkan contoh bahawa ia mematuhi undang-undang yang ia buat.

“Kalau Parlimen sendiri tidak mematuhi undang-undang, bagaimana mengharapkan rakyat akan mematuhi undang-undang,” katanya kepada pemberita

di lobi Parlimen selepas keluar Dewan Rakyat sebagai membantah kononnya persidangan Parlimen hari ini tidak sah.

Diminta mengulas tindakan ahli-ahli Parlimen pembangkang keluar Dewan, Fadzil berkata, pembangkang tidak berpuas hati dengan tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang didakwanya tidak mengikut perlembagaan.

Kuasa

Katanya, Fasal 40 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong perlu bertindak berpandukan nasihat Jemaah Menteri ataupun seorang menteri yang diberi kuasa.

“Dalam proses mengamgil mesyuarat pada hari ini, kita dapati notis mesyuarat dikeluarkan pada 13 Disember dan Jemaah Menteri hanya dibentuk pada 14 Disember dan mesyuarat pertama Jemaah Menteri diadakan pada 15 Disember.

“Jadi, kita tahu tentulah

Jemaah Menteri tidak dapat memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong sebelum 15 Disember.

“Maka persoalannya ialah apabila notis itu dikeluarkan pada 13 Disember bermakna satu notis yang dibuat tidak bernandukan kepada perlembagaan kerana Yang di-Pertuan Agong tidak boleh bertindak melainkan atas nasihat Jemaah Menteri.

“Oleh kerana itu, maka kita menganggap persidangan hari ini bercanggah dengan perlembagaan.

“Biarpun kerajaan memberi tafsiran yang berbeza tetapi sebagai tanda bantahan kita terhadap tindakan yang kita anggap sebagai berlawanan dengan kehendak perlembagaan dan semangat perlembagaan, maka kita bertindak keluar Dewan,” jelasnya.

Fadzil menafikan dakwaan bahawa pembangkang sengaja mencetuskan kekecohan.

“Kita memikul amanah rakyat. Sebaliknya BN yang tidak mematuhi un-

dang-undang, tidak mengikut peraturan dan mengetepikan perlembagaan,” katanya.

Presiden Parti Keadilan Nasional, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, yang tidak keluar serentak bersama ahli-ahli Parlimen pembangkang lain berkata, beliau juga sebenarnya membantah perkara yang sama.

“Tidak sesuai untuk kami berada dalam satu tempat di mana peraturan memanggil Parlimen tidak mengikut perlembagaan.

“Kami dipaksa ambil sumpah, membelakangkan perlembagaan. Kami rasa memang wajar untuk diprotes apa yang telah berlaku pada hari ini,” katanya.

Dalam pada itu, Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata, walaupun tidak menyertai pembangkang lain keluar Dewan secara serentak, beliau bersetuju dengan tindakan itu kerana kerajaan BN tidak mematuhi prosedur sebenar.